

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JANUARY 2017

Program Latihan Industri Perpaduan diperluas

# Pupuk interaksi kaum

Um - 22/1/2017

Oleh FARHANA JONI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 JAN.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Program Latihan Industri Perpaduan akan diperluaskan sebagai acara tahunan bagi menggalakkan interaksi pelbagai kaum dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu akan dimulakan dengan pengambilan mahasiswa bukan bumiputera menjalankan program latihan industri di beberapa syarikat perusahaan milik golongan bumiputera.

Katanya, usaha tersebut akan dilaksanakan secara komited bagi membina hubungan masyarakat berbilang kaum yang lebih akrab, saling mengenali dan memahami kepelbagaian budaya serta agama masing-masing.

"Kita perlu komited untuk mencapai perpaduan yang lebih kukuh, kuat dan berdaya tahan. Saya berterima kasih kepada 2,161 syarikat bukan bumiputera yang telah mengambil beberapa mahasiswa bumiputera menjalankan latihan industri di perusahaan masing-masing.

"Saya difahamkan beberapa syarikat perusahaan bumiputera akan mengambil mahasiswa bukan bumiputera pula selepas ini. Program seperti ini akan diperluaskan untuk memberi peluang dan melatih generasi muda saling berinteraksi antara satu sama lain," katanya ketika berucap dalam Program



NAJIB TUN RAZAK bersama Joseph Kurup (dua dari kiri) melakukan senaman pagi dalam program Detik-Detik Perpaduan di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/AIZZUL A. MAJID

Detik-Detik Perpaduan di Taman Botani Perdana, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup dan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) merangkap Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM), Datuk Ter

Leong Yap serta dua legenda bola sepak negara, Datuk Soh Chin Aun dan Datuk Santokh Singh.

Program yang dihadiri kira-kira 1,000 peserta itu dianjurkan oleh NCCIM, ACCIM dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) bertujuan menyumbang secara positif usaha-usaha

merealisasikan nilai perpaduan dalam masyarakat negara ini.

Dalam program tersebut, pemain badminton negara, Datuk Lee Chong Wei turut diumumkan sebagai Ikon Perpaduan kerana sumbangannya dalam bidang sukan yang berjaya membentuk dan menyatupadukan rakyat Malaysia.